http://gudangsoalan.blogspot.com

SULIT

JABATAN PELAJARAN SARAWAK

UJIAN PERCUBAAN UPSR 2009

BAHASA MELAYU — PEMAHAMAN **011**

Julai

50 minit **Lima puluh minit**
(SEKOLAH KEBANGSAAN)

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi* ***40*** *soalan.*
2. *Jawab* **semua** *soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu* A, B, C *dan D. Bagi setiap soalan, pilih* **satu** *jawapan sahaja.* **Hitamkan** *jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian* **hitamkan** *jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 17 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

[Lihat sebelah]

http://gudangsoalan.blogspot.com/

http://gudangsoalan.blogspot.com

Soalan 1 – 17

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai.**

1 "_____ hendak menghadap baginda sultan untuk menjual hasil ladang," kata petani tua itu kepada Tun Perak.

A Hamba

B Beta

C Patik

D Aku

Soalan 2 *berdasarkan gambar di bawah.*

2 Mereka terpaksa meredah hutan yang _____ untuk sampai ke kawasan air terjun itu.

A nipis

B lebar

C tebal

D panjang

 © 2009 Jabatan Pelajaran Sarawak

http://gudangsoalan.blogspot.com/

http://gudangsoalan.blogspot.com

Soalan 3 *berdasarkan gambar di bawah.*



3 Pak Mat menggunakan _____ kawat berduri untuk memagari rumahnya.

A sebatang

B segelung

C segulung

D sebuah

4 Rumah kayu yang usang di Kampung Semarang itu telah dibaiki dan dicat semula oleh sekumpulan _____.

A sukarelawan

B cendekiawan

C bangsawan

D dermawan

 © 2009 Jabatan Pelajaran Sarawak

http://gudangsoalan.blogspot.com/

http://gudangsoalan.blogspot.com

Soalan 5 *berdasarkan gambar di bawah.*



5 Mereka sedang bermain dan berlari di _____ pohon yang rendang itu.

A hadapan

B tengah

C dalam

D bawah

6 _____ sungguh suara gadis itu apabila menyanyikan lagu dalam Pertandingan Bintang Kecil.

A Lembut

B Merdu

C Sedap

D Manis

7 Faridah ada hati membeli kasut yang mahal _____ pendapatannya rendah.

A meskipun

B bahawa

C supaya

D kerana

 © 2009 Jabatan Pelajaran Sarawak

http://gudangsoalan.blogspot.com/

http://gudangsoalan.blogspot.com

Soalan 8 *berdasarkan gambar di bawah.*



8 Saya berasa gerun melihat ombak besar yang _____ menghempas pantai.

A bergolek-golek

B berduyun-duyun

C berpusing-pusing

D bergulung-gulung

9 Sewaktu ditemu duga, Zubaidah menggigil _____ kerana suhu di dalam bilik itu sangat sejuk.

A kerisauan

B ketakutan

C kesejukan

D keresahan

 © 2009 Jabatan Pelajaran Sarawak

http://gudangsoalan.blogspot.com/

http://gudangsoalan.blogspot.com

10 Semua penjual makanan diarah agar _____ penggunaan bahan pengawet yang tidak dibenarkan untuk mengelak keracunan makanan.

A menghentikan

B memberhenti

C hentikan

D berhenti

11 "Wah, _____ ikan yang kamu tangkap kali ini!" kata Amir kepada Kusairi.

A benar besar

B sekali besar

C paling besar

D besar sungguh

12 Ribut kencang yang melanda pantai itu telah menyebabkan _____ besar daripada bot nelayan rosak teruk.

A setiap

B setengah

C sebahagian

D sesetengah

 © 2009 Jabatan Pelajaran Sarawak

http://gudangsoalan.blogspot.com/

http://gudangsoalan.blogspot.com

Soalan 13 *berdasarkan gambar di bawah.*

13 Puan Zainon menyuruh penjual ikan itu _____ ikan yang dibelinya.

A menyisik

B memotong

C menghiris

D melapah

14 Kehidupan keluarga itu sangat daif. _____ si ayah terpaksa membanting tulang untuk menampung perbelanjaan keluarganya.

A Walaupun demikian

B Oleh yang demikian

C Namun begitu

D Dengan itu

 © 2009 Jabatan Pelajaran Sarawak

http://gudangsoalan.blogspot.com/

http://gudangsoalan.blogspot.com

Soalan 15 *berdasarkan gambar di bawah.*



15 "Hadiah yang cantik dan besar itu _____ siapa?" tanya Shafiqah.

A ke

B demi

C untuk

D bagi

16 Perhimpunan Sambutan Hari Guru pada tahun ini lebih meriah kerana telah dihadiri oleh guru dari seluruh negara termasuk beberapa orang _____.

A penama

B bernama

C penamaan

D kenamaan

 © 2009 Jabatan Pelajaran Sarawak

http://gudangsoalan.blogspot.com/

http://gudangsoalan.blogspot.com

17 Penduduk Kampung Bintawa _____ untuk mengadakan gotong-royong membersihkan kawasan kampung mereka.

A bulat hati

B jatuh hati

C murah hati

D makan hati

18 Kabus tebal pada pagi itu menyelubungi puncak Gunung Santubong yang kami daki.

Perkataan seerti bagi menyelubungi adalah

A mengharungi

B menyelaputi

C membasahi

D melingkari

19 Ramai murid dari Kampung Selampit hadir sekolah semasa kawasan itu dilanda banjir.

Perkataan berlawan bagi hadir adalah

A pergi

B datang

C muncul

D ponteng

 © 2009 Jabatan Pelajaran Sarawak

http://gudangsoalan.blogspot.com/

http://gudangsoalan.blogspot.com

20 Encik Minjot sebagai Tuai Rumah berusaha menangani masalah itu dengan berhati-hati supaya beliau dapat memuaskan hati semua pihak.

Peribahasa yang sesuai bagi ayat di atas adalah

A bagai gergaji dua mata

B bagai aur ditarik songsang

C bagai menarik rambut dalam tepung

D bagai menatang minyak yang penuh

Soalan 21 - 23

Pilih ayat–ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** *dengan betul.*

21 I Puan Dora membina sebuah taman orkid di halaman rumahnya.

II Latifah pulang ke kampung halamannya setiap hujung minggu.

III Halaman bilik air seelok-eloknya dibersihkan dua kali sehari.

IV Jawapan bagi soalan tersebut boleh didapati pada halaman belakang buku.

A I dan IV sahaja

B II dan IV sahaja

C I, II dan III sahaja

D I, II dan IV sahaja

22 I Haji Daud mengurut lengan anaknya yang terseliuh.

II Kakak sedang menjahit lengan baju ayah yang terkoyak.

III Selepas pukul dua belas malam, kawasan ini menjadi lengan_____

IV Kami tidur di dalam khemah berbantalkan lengan_____

A I, II dan III sahaja

B I, III dan IV sahaja

C I, II dan IV sahaja

D II, III dan IV sahaja

 © 2009 Jabatan Pelajaran Sarawak

http://gudangsoalan.blogspot.com/

http://gudangsoalan.blogspot.com

23 I Pertunjukan itu menarik minat kanak-kanak.

II Ayah menarik diri daripada menyertai pertandingan itu.

III Lelaki itu terpegun melihat wajah perempuan yang menarik.

IV Guru mahu semua murid menarik perhatian kepada pengajarannya.

A I dan III sahaja

B I dan II sahaja

C III dan IV sahaja

D I, II dan IV sahaja

Soalan 24

Pilih **jawapan** *yang sesuai bagi ayat di bawah.*

24 Berapakah bilangan peserta yang menyertai Pertandingan Pidato Piala Diraja itu?

A Seramai 30 orang peserta yang menyertai Pertandingan Pidato Piala Diraja itu.

B Ramai sungguh peserta yang melihat Pertandingan Pidato Piala Diraja itu.

C Peserta Tahun Enam yang menyertai Pertandingan Pidato Piala Diraja itu.

D Peserta yang menyertai Pertandingan Pidato Piala Diraja kali ini hebat-hebat belaka.

Soalan 25

Pilih ***ayat tanya*** *yang sesuai bagi ayat di bawah.*

25 Ya, saya pernah tinggal di Lawas tiga tahun yang lalu.

A Di manakah kamu tinggal?

B Siapakah yang tinggal di Lawas?

C Adakah kamu tinggal di Lawas?

D. Pernahkah kamu tinggal di Lawas?

http://gudangsoalan.blogspot.com/

 © 2009 Jabatan Pelajaran Sarawak

http://gudangsoalan.blogspot.com

Soalan 26 - 27

Pilih ayat yang **sama maksud** *dengan ayat yang diberikan.*

26 Kalau tidak kerana Ramos, belum tentu pasukan bola sepak kita dapat menewaskan pasukan bola sepak sekolah itu.

A Kemenangan pasukan bola sepak sekolah itu disebabkan oleh kehadiran Ramos.

B Kalau tidak kerana sekolah, tidak mungkin Ramos dapat menewaskan pasukan bola sepak itu.

C Pasukan bola sepak sekolah kita menang dalam perlawanan dengan pasukan bola sepak sekolah itu kerana kehebatan Ramos.

D Kehadiran Ramos, pasukan bola sepak sekolah tentu akan memenangi perlawanan menentang pasukan bola sepak sekolah itu.

27 Pihak polis akan mengenakan tindakan tegas bagi mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya yang semakin membimbangkan dewasa ini.

A Pihak polis yang bimbangkan kadar kemalangan di jalan raya dewasa ini, bercadang mengambil tindakan tegas.

B Bagi mengurangkan jumlah kemalangan di jalan raya yang semakin merisaukan pada masa ini, pihak polis akan mengenakan tindakan tegas.

C Kadar kemalangan di jalan raya yang semakin membimbangkan itu, memaksa pihak polis mengenakan tindakan tegas.

D Bagi mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya yang semakin membimbangkan dewasa ini, pihak polis telah mengenakan tindakan yang berat.

 © 2009 Jabatan Pelajaran Sarawak

http://gudangsoalan.blogspot.com/

http://gudangsoalan.blogspot.com

Soalan 28 – 30

Pilih **ayat-ayat** *yang betul.*

28 I Kita haruslah bersopan santun terhadap orang tua.

II Restoran Anjung Selera menyediakan berbagai jenis masakan.

III Sektor pertanian merupakan sektor yang penting di negara kita.

IV Penyakit demam denggi amat bahaya dan boleh membawakan maut.

A I dan III sahaja

B III dan IV sahaja

C I, III dan IV sahaja

D II, III dan IV sahaja

29 I Program itu dapat mewujudkan semangat perpaduan antara kaum di Malaysia.

II Pasu-pasu bunga itu dicat oleh saya.

III Banjir besar itu telah menenggelamkan beberapa buah kampung.

IV Dia mengucapkan terima kasih kepada kami atas pertolongan yang diberikan.

A I dan III sahaja

B I dan IV sahaja

C I, III dan IV sahaja

D II, III dan IV sahaja

30 I Barang-barang elektrik yang dijual di kedai itu sungguh amat murah.

II Pekerja JKR sedang memperlebar jalan menuju ke Pekan Sematan.

III Kamus Dwibahasa yang baharu itu diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

IV Encik Nazri dan keluarganya berada di Kapit dalam seminggu sahaja.

A II dan III sahaja

B I, II dan III sahaja

C I, III dan IV sahaja

D II, III dan IV sahaja

 © 2009 Jabatan Pelajaran Sarawak

http://gudangsoalan.blogspot.com/

http://gudangsoalan.blogspot.com

Soalan 31 - 35

Baca petikan di bawah ini. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Laporan Kelab Komputer Sekolah Kebangsaan Sungai Pala

Tanggal 3 Februari 2005 merupakan hari yang penuh bersejarah dengan tertubuhnya Kelab Komputer Sekolah Kebangsaan Sungai Pala. Sebuah jawatankuasa kecil telah ditubuhkan untuk mengendalikan perjalanan kelab ini. Anggota jawatankuasa yang telah dilantik adalah seperti yang berikut:

Guru Penyelaras	:	Cikgu Idris bin Ahmad
Pengerusi	:	Cikgu Roslan bin Narawi
Setiausaha	:	Cikgu Hazimah binti Badron
Bendahari	:	Cikgu Rosmawati binti Samaon
Ahli Jawatankuasa	:	Encik Wahab bin Haji Jali (wakil PIBG)
	:	Puan Salmi binti Abdullah (wakil PIBG)

Sekolah ini merupakan sekolah yang paling awal membangunkan penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran di Daerah Saratok. Selain itu, beberapa orang tenaga pengajar sekolah ini telah mahir menggunakan internet serta mampu membina laman sesawang. Tenaga pengajar di sekolah ini telah diberi pendedahan dan latihan tentang penggunaan komputer. Oleh itu, amatlah sesuai jika sekolah ini dipilih sebagai salah sebuah sekolah 'cyber' di Daerah Saratok.

Jawatankuasa Kelab Komputer sekolah ini telah berusaha untuk menambah bilangan komputer. Beberapa usaha telah dilaksanakan untuk mencapai matiamat tersebut. Antaranya termasuklah memohon sumbangan daripada orang perseorangan dan daripada pihak swasta. Selain itu, ibu bapa setiap pelajar di sekolah ini telah bersetuju untuk menyumbangkan wang berjumlah RM10.00. Sumbangan ini membuktikan bahawa ibu bapa pelajar amat peka akan kepentingan komputer dalam pembelajaran pada masa kini.

Sumbangan sama ada dari segi idea atau wang ringgit untuk memajukan kelab ini amatlah dialu-alukan dan diucapkan ribuan terima kasih. Kelab komputer sekolah ini sering dijadikan model kepada sekolah lain yang ingin membangunkan bidang komputer di sekolah masing-masing.

Laporan disediakan oleh, 13 JULAI 2005

.....

(HAZIMAH BINTI BADRON)
Setiausaha Kelab Komputer.

 © 2009 Jabatan Pelajaran Sarawak

http://gudangsoalan.blogspot.com/

http://gudangsoalan.blogspot.com

31 Mengapakah 3 Februari 2005 merupakan hari bersejarah bagi Sekolah Kebangsaan Sungai Pala?
A Hari sekolah ditubuhkan
B Hari pertama sekolah menerima komputer
C Hari penubuhan jawatankuasa kecil sekolah
D Hari penubuhan Kelab Komputer Sekolah

32 Bagaimanakah sikap ibu bapa terhadap pembangunan Kelab Komputer di sekolah ini?
A Kurang menggalakkan
B Amat peka dan prihatin
C Sungguh bangga dan gembira
D Bersedia memberikan sumbangan idea

33 Sekolah ini sesuai dijadikan sekolah 'cyber' di Daerah Saratok kerana
A jumlah komputernya yang banyak
B mempunyai tenaga mahir yang dapat mengendalikan komputer
C ibu bapa pelajar ramai yang celik komputer dan boleh membantu
D mempunyai peruntukan kewangan yang cukup daripada PIBG

34 Apakah matlamat utama penggunaan komputer di sekolah ini?
A Untuk dipilih sebagai sekolah 'cyber'
B Untuk menjadi contoh kepada sekolah-sekolah lain
C Untuk memberikan pendedahan kepada ibu bapa pelajar
D Untuk kepentingan pengajaran dan pembelajaran masa kini

35 Pada pendapat anda, mengapakah Kelab Komputer di sekolah ini perlu dimajukan?
A Supaya lebih banyak sumbangan akan diperoleh
B Supaya Kelab Komputer sekolah ini dapat mengaut keuntungan
C Supaya lebih banyak pelajar berpeluang mempelajari komputer
D Supaya ibu bapa akan menggalakkan anak-anak mereka mempelajari komputer

 © 2009 Jabatan Pelajaran Sarawak

http://gudangsoalan.blogspot.com/

http://gudangsoalan.blogspot.com

Soalan 36 - 40

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan berikutnya.

Cuaca pagi itu amat cerah. Matahari memancarkan cahaya menerangi alam. Angin yang bertiup sepoi-sepoi amat menyegarkan. Aku sedang berehat sendirian selepas menikmati nasi lemak yang disediakan oleh ibu pagi tadi. Ayah telah pergi bekerja manakala ibu pula ke rumah jiran yang akan mengadakan majlis kesyukuran pada tengah hari itu. Aku membelek-belek tajuk-tajuk utama akhbar semalam. Aku tertarik dengan berita tentang kejadian lemas ketika banjir yang melibatkan seorang kanak-kanak berumur dua tahun. Berita ini membuat aku berasa simpati kepada ibu bapa kanak-kanak tersebut.

Tiba-tiba aku terdengar namaku dipanggil. Aku menoleh ke arah jalan raya di hadapan rumahku. Rupa-rupanya Rafiq dan Arief telah datang. Mereka mengajak aku ke sungai kira-kira 500 meter dari rumahku. Aku menolak pelawaan itu dengan alasan bahawa aku terpaksa menjaga rumah. Sebenarnya aku teringat akan pesanan ibu supaya tidak meninggalkan rumah. Kakak telah ke bandar untuk membeli-belah dan abang pula ke sekolah kerana ada latihan drama. Tambahan pula aku ada kerja sekolah yang perlu disiapkan selewat-lewatnya sebelum pergi ke sekolah esok.

Akhirnya Rafiq dan Arief berlalu tanpa aku. Walaupun gagal mengajak aku, mereka masih lagi riang menuju ke sungai. Aku nampak mereka berlari-lari kegembiraan. Sebenarnya kami memang biasa bermain sambil mandi di sungai. Aku dapat bayangkan betapa seronoknya mandi di sungai. Tambahan pula air sungai agak dalam selepas hujan malam tadi. Memang aku suka berenang ketika air dalam. Rasanya hendak aku ikut mereka jika aku tidak ingat akan perintah ibuku itu.

Tidak lama kemudian, aku terdengar riuh rendah di jalan raya. Orang ramai berlari menuju ke arah sungai tersebut. Aku juga nampak ibu Rafiq dan ibu Arief berlari menuju ke sungai sambil menangis. Aku terdengar juga arahan supaya menelefon pihak polis dan ambulans.

Rupa-rupanya Rafiq telah dihanyutkan arus deras. Arief tidak sempat menolong rakannya kerana kejadian itu berlaku dalam sekelip mata sahaja. Dua puluh minit kemudian , aku nampak ambulans dan polis tiba di tempat kejadian.

 © 2009 Jabatan Pelajaran Sarawak

http://gudangsoalan.blogspot.com/

http://gudangsoalan.blogspot.com

36 Yang berikut merupakan perkara yang dilakukan oleh penulis pada pagi itu **kecuali**

A membuat kerja sekolah

B tinggal seorang diri

C makan nasi lemak

D membaca akhbar

37 Apakah tujuan Rafiq dan Arief pergi ke rumah penulis?

A Untuk mengajaknya mandi-manda di sungai

B Untuk meminta kebenarannya mandi di sungai

C Untuk mengajaknya memancing di sungai

D Untuk meminjam surat khabar lama

38 Apakah yang terbayang dalam fikiran penulis?

A Keseronokan kawannya mandi di sungai

B Keseronokan berenang di sungai yang dalam

C Keseronokan keluarganya di majlis kenduri

D Keseronokan dapat menolong keluarganya

39 Mengapakah orang ramai berlari menuju ke sungai ?

A Kerana mereka terdengar bunyi siren kereta polis

B Kerana ibu Rafiq dan Arief berlari ke sungai

C Kerana Rafiq hanyut di sungai

D Kerana Rafiq tidak balik

40 Yang berikut adalah sifat-sifat yang ada pada diri penulis **kecuali**

A prihatin

B bertolak ansur

C bertanggungjawab

D mementingkan diri sendiri

 © 2009 Jabatan Pelajaran Sarawak

http://gudangsoalan.blogspot.com/